

02/12/1997

Guna kegiatan peniaga mata wang untuk kebaikan

DATUK Seri Anwar Ibrahim yakin peniaga mata wang yang berkuasa menjalankan aktiviti spekulasi mata wang sehingga menjejaskan sistem kewangan dunia, berpotensi untuk diubah menjadi tenaga yang mampu mengukuhkan kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi sejagat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dalam melaksanakan perubahan dan pendekatan untuk memulihkan keadaan, masyarakat antarabangsa tidak boleh mengetepikan peranan peniaga mata wang dan pengurus dana lindung nilai dalam krisis kewangan yang berlaku.

Malah, katanya aktiviti spekulasi berlebihan yang mereka laksanakan menjadi penyebab sekaligus memburukkan krisis itu dan sekiranya menggunakan kemampuan kewangan yang tinggi, mereka mempunyai keupayaan yang besar untuk mengancam kestabilan sistem kewangan sejagat.

"Justeru, kami meminta masyarakat antarabangsa untuk menyelesaikan isu ini. Kita perlu 'menjinakkan' kuasa yang mempunyai potensi untuk menggugat kestabilan dan menjejaskan suasana sistem kewangan antarabangsa.

"Hanya selepas penyelesaian itu, kuasa berkenaan boleh diubah menjadi tenaga yang utuh untuk mengukuhkan kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi sejagat," katanya dalam ucapan aluan perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Asean dan Mesyuarat Asean Campur Enam di sini, semalam.

Mesyuarat dua hari itu yang bermula hari ini dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi perspektif rantau ini, Anwar berpendapat, langkah mencari jalan penyelesaian itu harus dimulakan oleh Asean.

Beliau yang juga Menteri Kewangan tanpa ragu menganggap usaha untuk mengukuhkan asas ekonomi dan mewujudkan pengawasan ekonomi serantau adalah asas bagi semua usaha itu.

(END)